



JABATAN PERANGKAAAN  
MALAYSIA


DOSM/BKN/Kelantan/13.2020/Siri26

# BULETIN KHAS NEGERI




"Sebanyak 46.6 % dari 168,182 individu yang bekerja sendiri hilang pekerjaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)."  
- **Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin,**  
**Ketua Perangkawan Malaysia**

**Kelantan** menyumbang **1.8 peratus** kepada ekonomi nasional pada tahun 2018 dengan merekodkan nilai ditambah **RM24.1 bilion (2017: RM23.5 bilion)**. **Sektor Perkhidmatan dan Pertanian** merupakan dua (2) sektor yang mendominasi struktur ekonomi Kelantan. Kedua-dua sektor ini masing-masing menjana **RM16.7 bilion (69.3 peratus)** dan **RM5.4 bilion (22.5 peratus)** kepada nilai KDNK Kelantan.



Nilai Ditambah dan Peratus Sumbangan Mengikut Sektor Kelantan, 2018

"Kerajaan negeri Kelantan memperuntukkan sebanyak RM29 juta bagi membantu rakyat yang terjejas akibat COVID-19"  
- **YAB Menteri Besar Kelantan, 8 April 2020**




Negara yang Melabur Dalam Projek Pembuatan di Kelantan, 2016-2018

MIDA melaporkan nilai **pelaburan asing projek pembuatan** yang telah diluluskan di Kelantan dalam tempoh 2016-2018 adalah **RM300.6 juta**. **Jepun (RM207.1 juta)** merupakan negara yang mendominasi pelaburan asing projek pembuatan di Kelantan diikuti dengan **Singapura (RM69.0 juta)** dan **China (RM24.6 juta)**.

Sumber: Laporan Sosekonomi Negeri Kelantan 2018

Penduduk : 1.9 Juta  
Kepadatan Penduduk : 125/km<sup>2</sup>



Kadar Kesuburan : 3.2  
Kadar Kelahiran Kasar : 21.4  
Kadar Kematian Kasar : 6.1

Bil. Hospital : 15 buah  
Bil. Klinik Kerajaan : 281 buah

Bil. Katil Hospital  
2016 - 2,766 katil  
2017 - 2,771 katil




Bil. Doktor  
2016 - 2,022 orang  
2017 - 2,252 orang

Bil. Jururawat  
2016 - 7,108 orang  
2017 - 7,062 orang

Sumber: MyLocal Stats Kelantan, 2018

Jumlah **perdagangan** melalui pintu keluar dan masuk Kelantan bagi bulan Mac 2020 bernilai **RM0.3 bilion** (Mac 2019: RM0.3 bilion). Nilai ini menyumbang 0.2 **peratus** kepada keseluruhan nilai jumlah perdagangan Malaysia pada bulan Mac 2020.

### Eksport, Import dan Jumlah Perdagangan Berdasarkan Pintu Keluar dan Masuk, Kelantan



### Eksport, Import dan Jumlah Perdagangan Berdasarkan Pintu Keluar dan Masuk, Kelantan, 2019

	RM Juta		
	Eksport	Import	Jumlah Perdagangan
KOTA BHARU / PENGKALAN KUBOR	2,528	35	2,562
RANTAU PANJANG	285	178	463
LAIN-LAIN	275	51	325
<b>KELANTAN</b>	<b>3,087</b>	<b>263</b>	<b>3,350</b>

Pada tahun 2019, Kelantan mencatatkan jumlah eksport (melalui pintu keluar dan masuk) bernilai **RM3.1 bilion** dan jumlah import bernilai **RM0.3 bilion**. **Kota / Pengkalan Kubor** merupakan pintu keluar dan masuk utama bagi aktiviti import dan eksport di Kelantan pada tahun 2019.

Sumber: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan (Mac 2020)





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A

"Petugas barisan hadapan COVID-19 di bawah kerajaan negeri akan menerima 'one-off' sebanyak RM300." – BH Online, 8 April 2020

### Bilangan Pelawat Domestik Mengikut Jenis Pelawat ke Negeri Kelantan, 2017 Dan 2018

	2017	2018
<b>Jumlah ('000)</b> Total	<b>9,623.7</b>	<b>9,846.1</b>
<b>Pelawat harian</b> Excursionist	<b>4,641.7</b>	<b>5,119.8</b>
<b>Pelancong</b> Tourist	<b>4,982.0</b>	<b>4,726.3</b>

Sumber: MyLocal Stats Kelantan, 2018

Tahun 2018 menunjukkan Kelantan menerima 9.8 juta pelawat domestik. Daripada bilangan tersebut, 5.1 juta (52.0 peratus) merupakan pelawat harian dan 4.7 juta (48.0 peratus) adalah pelancong.

### Bilangan Penumpang Yang Dikendalikan Mengikut Lapangan Terbang Di Kelantan, 2016-2018

Kategori	2016	2017	2018
Domestik	2,062,248	1,988,212	1,687,571
Antarabangsa	-	-	1,054
<b>Jumlah</b>	<b>2,062,248</b>	<b>1,988,212</b>	<b>1,688,625</b>

Sumber: MyLocal Stats Kelantan, 2018

Kementerian Pengangkutan Malaysia melaporkan bahawa pada tahun 2018, bilangan penumpang yang dikendalikan lapangan terbang di Kelantan telah menurun kepada 1.6 juta berbanding 1.9 juta pada tahun 2017.


# BULETIN KHAS NEGERI



## Statistik Utama Tenaga Buruh, Kelantan, 2018-2019

Tahun	Tenaga buruh ('000)	Penduduk bekerja ('000)	Penganggur ('000)	Kadar penyertaan tenaga buruh (%)	Kadar pengangguran (%)
2018	712.0	683.3	28.6	60.5	4.0
2019	710.5	682.4	28.1	58.9	4.0


Pada tahun 2019, penduduk bekerja di Kelantan adalah **682.4 ribu orang** dengan kadar penyertaan tenaga buruh adalah **58.9 peratus** (Malaysia: 68.7 peratus). Kadar pengangguran pada tahun 2019 kekal pada kadar **4.0 peratus** (Malaysia: 3.3 peratus).



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, 2019

### Penduduk Bekerja Mengikut Industri, Kelantan, 2019

Pada tahun 2019, industri **perdagangan borong dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal** mencatatkan bilangan penduduk bekerja paling ramai di Kelantan iaitu **143.2 ribu pekerja (21.0 peratus)** diikuti dengan industri **pertanian, perhutanan dan perikanan, 88.3 ribu pekerja (12.9 peratus)**. Industri **pembinaan dan penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman** masing-masing mencatatkan **78.0 ribu pekerja (11.4 peratus)** dan **73.4 ribu pekerja (10.8 peratus)** pada tahun yang sama. Keempat-empat industri ini merupakan aktiviti utama yang menjadi tumpuan **56.1 peratus** pekerja di Kelantan.



Sumber: Population Quick Info

### Unjuran Penduduk Negeri Kelantan, 2020 Mengikut Kumpulan Umur

Komposisi umur penduduk di Kelantan boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan utama iaitu kumpulan umur muda (0-14 tahun), kumpulan umur bekerja (15-64 tahun) dan umur tua (65 tahun dan lebih).

Unjuran tahun 2020 menunjukkan penduduk di Kelantan dimonopoli oleh kumpulan umur bekerja iaitu 73.7 peratus daripada keseluruhan penduduk diikuti kumpulan umur muda 22.0 peratus dan kumpulan umur tua 4.3 peratus.





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A



Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan Kelantan, 2014 & 2016

	MALAYSIA		KELANTAN	
	2014	2016	2014	2016
<b>Penengah (RM)</b> <i>Median</i>	4,585	5,228	2,211	2,444
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b> <i>Compounded annual growth rate</i>	"	6.6	"	5
<b>Purata (RM)</b> <i>Mean</i>	6,141	6,958	2,578	2,875
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b> <i>Compounded annual growth rate</i>	"	6.2	"	5.4

Sumber: HIS, 2016

Pekali Gini dan Insiden Kemiskinan, Malaysia dan Kelantan, 2014 & 2016

	MALAYSIA		KELANTAN	
	2014	2016	2014	2016
<b>Pekali Gini</b> <i>Gini Coefficient</i>	0.401	0.399	0.393	0.389
<b>Insiden Kemiskinan</b> <i>Incidence of poverty</i>	0.6	0.4	0.9	0.4

Sumber: HIS, 2016

Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah dan Purata Bagi Kumpulan Pendapatan Mengikut Pendapatan, Malaysia dan Kelantan, 2016

	MALAYSIA		KELANTAN	
	2014	2016	2014	2016
<b>Penengah (RM)</b> <i>Median</i>				
<b>Terendah 40% -B40</b>		3,000		1,869
<b>Pertengahan 40% -M40</b>		6,275		3,667
<b>Tertinggi 20% -T20</b>		13,148		8,427
<b>Purata (RM)</b> <i>Mean</i>				
<b>Terendah 40% -B40</b>		2,848		1,815
<b>Pertengahan 40% -M40</b>		6,502		3,841
<b>Tertinggi 20% -T20</b>		16,088		9,761

Sumber: HIS, 2016

Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan Kelantan, 2014 & 2016

	MALAYSIA		KELANTAN	
	2014	2016	2014	2016
<b>Penengah (RM)</b> <i>Median</i>	2,946	3,314	2,211	2,444
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b> <i>Compounded annual growth rate</i>	"	5.9	"	5
<b>Purata (RM)</b> <i>Mean</i>	3,578	4,033	2,578	2,875
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b> <i>Compounded annual growth rate</i>	"	6.0	"	5.4

Sumber: HIS, 2016

Indeks Harga Pengguna (2010=100), Kumpulan Utama, Kelantan, 2019 & 2020

KUMPULAN UTAMA	2019		2020
	Apr	Mac	Apr
<b>Jumlah</b>	<b>119.9</b>	<b>119.5</b>	<b>115.9</b>
Makanan dan Minuman Bukan Alkohol	129.3	131.1	130.7
Minuman Alkohol dan Tembakau	183.3	183.4	183.4
Pakaian dan Kasut	98.4	97.7	97.7
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain	116.1	117.6	111.4
Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah	110.7	110.9	110.7
Kesihatan	124.1	126.4	126.4
Pengangkutan	112.5	100.8	85.9
Komunikasi	98.2	99.4	99.4
Perkhidmatan Rekreasi dan Kebudayaan	106.4	107.8	107.8
Pendidikan	129.6	130.3	130.3
Restoran dan Hotel	118.6	119.4	119.4
Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan	112.3	115.7	116.5

Sumber: IHP, April 2020

Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi Kelantan menurun 3.3 peratus pada April 2020 kepada 115.9 berbanding 119.9 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan bulanan, IHP April 2020 Kelantan menurun 3.0 berbanding Mac 2020.


*"Mungkin ada peniaga yang tidak bertanggung jawab dan mengambil kesempatan menaikkan harga. Oleh itu, KPDNHEP akan melaksanakan Skim Harga Maksimum," - Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, 12 April 2020*






## Statistik COVID-19 Negeri Kelantan


### Bilangan Kes Baharu Harian COVID-19, Kelantan




### Bilangan Kumulatif Kes COVID-19, Kelantan



### Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Negeri




### Peratusan Kes Pulih, Aktif dan Kematian Mengikut Negeri



### Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Daerah, Kelantan



### Peratusan Kes Kelantan Terhadap Malaysia



Nota : Dikemaskini sehingga 28 Jun 2020  
Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A

## Impak Covid-19 di Kelantan

### Perkhidmatan Klinik

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menyebabkan kebanyakan klinik swasta di



Kelantan **mengalami kemerosotan kira-kira 70%** di dalam perniagaan dan dibimbangi akan terdapat klinik yang terpaksa gulung tikar.

### Perkhidmatan Penginapan

Pelancong dari negara yang menjadi pasaran utama sektor perhotelan di Kelantan terutamanya dari China, Timur Tengah dan Asean telah membatalkan tempahan bermula pertengahan Februari 2020. Malahan, pelancong domestik turut menunjukkan penurunan yang amat ketara pada musim cuti sekolah. **Kadar penginapan (occupancy rate)** yang direkodkan oleh sektor perhotelan di Kelantan bagi 2 bulan pertama tahun 2020 hanya **sekitar 20% sahaja**.



Selain itu, *homestay* turut mengalami nasib yang sama di mana jumlah penginap yang diterima sepanjang 2 bulan pertama 2020 hanya sekitar 200 penginap sahaja.

### Perkhidmatan Pelancongan

Penularan pandemik COVID-19 memberi impak yang sangat besar kepada industri pelancongan. Semua penggiat aktiviti pelancongan seperti pembuat wau, wayang kulit dan dikir barat **terjejas 100% dari segi pendapatan**.



### Perkhidmatan Pengangkutan Bas

Selaras dengan pelaksanaan PKP, perkhidmatan semua kategori bas telah ditangguhkan bermula 21 hingga 31 Mac 2020 dan berlanjutan sehingga 14 April 2020 seperti yang telah diumumkan oleh kerajaan. Dalam tempoh ini, hasil bagi perkhidmatan pengangkutan bas dijangka **merosot hampir 100%** berbanding tempoh yang sama tahun lalu.



### Perkhidmatan Terminal Lapangan Terbang

Hanya 16 penerbangan keluar masuk yang direkodkan di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) berbanding 45 penerbangan sebelum ini. Jumlah pengendalian penumpang turut menunjukkan penurunan daripada 5,070 penumpang sehari kepada hanya sekitar 1,800 penumpang sahaja. Premis perniagaan di LTSIP turut mengalami kesan yang sama dari segi hasil jualan harian yang **merosot hampir 85%**, malahan ada premis yang terpaksa tutup.



### Perkhidmatan Pengangkutan Teksi

Perkhidmatan teksi *airport & e-hailing* di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) amat terkesan dengan jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan mereka **kurang daripada 15%** berbanding hari biasa yang mana boleh mencapai 20 penumpang sehari, secara purata.

Berdasarkan pemerhatian semasa, suasana di stesen teksi di seluruh Kelantan lengang disebabkan tiada pelanggan. Semua laluan masuk ke Bandar Kota Bharu, telah dibuat sekatan oleh pihak Polis yang telah berkuatkuasa pada 25 Mac 2020. Situasi ini adalah amat sukar bagi seorang pemandu teksi yang menjadikan pekerjaan ini sebagai sumber pendapatan utama.

Berikutan PKP yang dilanjutkan sehingga 14 April 2020, **pendapatan bulanan pemandu teksi telah menyusut hampir 100%**.





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A

## Impak Covid-19 di Kelantan

### Perkhidmatan Kolej dan Universiti (Swasta)

Salah sebuah Sekolah Rendah Islam swasta memaklumkan **hanya 5% bayaran diterima** memandangkan sekolah berkenaan tidak meminta bayaran yuran. Sebuah Sekolah Menengah swasta pula memaklumkan bahawa **tunggakan yuran berjumlah RM300,000** yang masih belum diterima daripada ibubapa pelajar semenjak bulan Januari 2020 menambahkan lagi beban kewangan yang dihadapi oleh sekolah ini, khususnya bagi menjelaskan bayaran gaji guru seramai 30 orang. Sebuah kolej swasta memaklumkan sepanjang tempoh PKP, kolej tidak beroperasi sepenuhnya. Bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran untuk para pelajar kolej berterusan, para tenaga pengajar telah mengambil inisiatif dengan mengadakan kaedah pembelajaran secara dalam talian.



### Perkhidmatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Semasa pelaksanaan PKP, sesetengah pusat pendidikan ini mengurangkan kadar bayaran yuran yang dikenakan. Hampir separuh, iaitu **48.6% pusat pendidikan ini mengurangkan kadar bayaran yuran** berbanding 51.4% masih menetapkan bayaran yuran yang sama seperti sebelum PKP. Kajian ini juga menunjukkan, semasa pelaksanaan PKP, terdapat 48.6 % (35 daripada 72 pusat pendidikan) telah mengurangkan kadar bayaran

yuran yang dikenakan antara 15 % sehingga 50 %. Malahan terdapat juga yang mengecualikan yuran bulanan sepenuhnya sepanjang tempoh pelaksanaan PKP.



### Perkhidmatan Dobi

Pendapatan pengusaha kedai dobi **merosot 100%** bagi tempoh 28 hari (PKP Fasa 1 & Fasa 2) berbanding sebelum PKP. Dalam Fasa 3 (15 – 28 April 2020), perkhidmatan dobi merupakan salah satu daripada 8 sektor yang dibenarkan beroperasi. Walau bagaimanapun, ia adalah terhad kepada perkhidmatan dobi *full service* sahaja.



### Kedai Runcit dan Pasaraya

Berdasarkan tinjauan di beberapa buah kedai runcit dan pasaraya, didapati berlakunya **penurunan hasil jualan di antara 60% sehingga 80%**. Sekiranya keadaan ini berterusan, mereka berkemungkinan akan menutup operasi. Ada juga di antara mereka (peniaga kecil seperti kedai sayur / ayam / daging beroperasi di tepi jalan) telah diarahkan oleh pihak berkuasa untuk menutup premis perniagaan mereka.



### Corak Pembelian Barangan

Daripada 53 orang responden, 77.4% responden hanya membuat pembelian di premis perniagaan yang jaraknya di dalam radius 10 km. Selain itu, 52.8% responden menyatakan mereka keluar rumah kurang dari 4 kali bagi tujuan mendapatkan barangan keperluan harian. Dari corak perbelanjaan yang ditunjukkan, setiap responden berbelanja antara RM100 hingga RM300 untuk menampung keperluan harian bagi setiap keluarga untuk tempoh 4 hari.






## Impak Covid-19 di Kelantan

### Jualan *hardware* dan barangan elektrik

Berdasarkan kajian yang dibuat ke atas 18 kedai *hardware* dan barangan elektrik yang terlibat, hanya 6 kedai iaitu 33% sahaja yang beroperasi sepanjang tempoh pelaksanaan PKP Fasa 3. Dari segi hasil jualan, terdapat **penurunan yang ketara sehingga 70%** berbanding sebelum tempoh PKP.



### Penggunaan Elektrik dan Air

61.7% responden menyatakan penggunaan elektrik di kediaman masing-masing **meningkat 10% sehingga 60%** berbanding bulan sebelumnya. Manakala hanya 11.7% responden tidak terkesan dari segi penggunaan elektrik dalam tempoh PKP ini. Bagi kemudahan air pula, 61.7% responden menjangkakan penggunaan air akan meningkat, manakala 38.3% pula beranggapan tahap penggunaan air adalah seperti biasa.



### Perkhidmatan Makanan dan Minuman

Daripada 10 buah premis yang telah dihubungi, 8 buah premis beroperasi sepenuhnya tetapi terhad kepada pembelian *take away* dan 2 premis tidak beroperasi sepenuhnya. Kebanyakan premis beroperasi pada waktu siang sahaja, bermula dari jam 10.00 pagi sehingga 7.00 malam. Premis ini juga turut menggunakan perkhidmatan penghantaran terus ke rumah dan Food Panda.

Berdasarkan soal selidik yang dibuat, menunjukkan berlaku **penurunan 98% hasil jualan harian berbanding kebiasaan**. Didapati ada juga premis yang mengurangkan bilangan pekerja bekerja di premis. Mereka tidak memberhentikan pekerja tetapi memberi cuti selama sebulan kepada pekerja berkenaan.



### Peniaga Pasar Tani dan Pasar Malam

Berdasarkan maklumat daripada 45 orang peniaga, didapati 84.4% responden mengalami **kemerosotan hasil jualan di antara 71% - 100%** dalam tempoh PKP. Manakala 15.6% responden menyatakan mereka mengalami **kemerosotan hasil jualan di antara 51% - 70%**.



### Perniagaan Bazar Ramadan

Bazar Ramadan Wakaf Che Yeh kelihatan suram tanpa aktiviti peniaga. Pada hari biasa terdapat kira-kira 1,000 tapak jualan disediakan kepada para peniaga dan di bulan Ramadan pula, jumlah tapak perniagaan yang disediakan mencecah 1,200 termasuk untuk penjaja makanan, minuman serta keperluan Aidilfitri seperti pakaian dan aksesori. Dari segi jualan di sepanjang bulan Ramadan pada tahun-tahun sebelumnya, peniaga mampu memperoleh purata keuntungan antara RM1,000 hingga RM1,500 sehari bergantung kepada jenis perniagaan yang dijalankan. Namun pada tahun 2020, pandemik COVID-19 telah meragut kemeriahan Bazar Ramadan Wakaf Che Yeh, yang tidak pernah 'tidur' dan sunyi dari kehadiran pengunjung.





## Impak Covid-19 di Kelantan

### Pengusaha Stesen Minyak

Maklumat yang diterima daripada Petrol Dealer of Association Malaysia (PDAM) mendapati, sejak PKP dilaksanakan bermula 18 Mac 2020, **jualan telah merosot sehingga 60%**. Oleh yang demikian, hampir setiap stesen minyak beroperasi dalam kerugian setiap hari pada masa ini.

Bagi pengusaha stesen minyak di Kelantan, jumlah jualan dianggarkan hanya berjumlah RM33 juta bagi tempoh 3 minggu pertama bulan Mac 2020. Pada bulan Januari 2020, jumlah jualan adalah RM83 juta.



### Perikanan

Hasil tangkapan nelayan, khususnya nelayan pantai tidak dapat dijual kerana peraih (orang tengah) tidak lagi membeli hasil tangkapan apabila sebahagian pasar ditutup. Manakala yang beroperasi pula telah dihadkan masa operasi. Pada masa yang sama hal ini menyebabkan nelayan kehilangan sumber pendapatan dan menjejaskan kehidupan komuniti nelayan pantai.



### Sektor Pembinaan

Berdasarkan respon daripada syarikat pembinaan di negeri Kelantan yang terpilih di dalam Survei Pembinaan Suku Tahunan (Q1) 2020, **nilai hasil kerja yang diperolehi merosot 39.8 %** berbanding dengan suku tahun yang sama tahun lalu disebabkan terdapat kerja pembinaan dan penyelenggaraan terpaksa dihentikan.

Hanya 7,000 permohonan sahaja daripada sektor pembinaan diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk memulakan operasi. Perkara ini menjejaskan prestasi sektor pembinaan negara khususnya di negeri Kelantan.

Syarikat terpaksa menanggung kos buruh yang tinggi ketika pekerja dihadkan bertugas dan diberi cuti sepanjang tempoh PKP menyebabkan punca pendapatan syarikat semakin menyusut. Langkah kerajaan menyalurkan pelbagai bantuan semasa PKP sedikit sebanyak mampu menampung kesan kerugian syarikat dalam jangka masa pendek.



### Pertanian – Aktiviti Getah

Berdasarkan maklum balas yang diterima, pengeluaran skrap (getah buku dan getah kulit) pada **bulan Februari mencatatkan peningkatan 2.4%**. Manakala pada **bulan Mac, berlaku penurunan yang agak ketara iaitu 55.7%**. Pengeluaran susu cair pula menunjukkan tren sebaliknya, iaitu penurunan 19.3% pada bulan Februari, manakala pada bulan Mac menurun 20.7%. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh pokok getah yang mengalami proses daun luruh sehingga menjejaskan pengeluaran susu getah.







## Impak Covid-19 di Kelantan

### Industri Pembuatan – Farmaseutikal

Hasil pengeluaran syarikat **menunjukkan penurunan hampir 20%** pada Mac 2020, berbanding kapasiti pengeluaran sebenar pada bulan sebelumnya. Dari segi hasil jualan, syarikat memaklumkan jumlah **jualan menurun 10%**. Berdasarkan maklumat daripada syarikat juga, tempoh 3 bulan diperlukan oleh syarikat untuk pemulihan operasi syarikat sepenuhnya selepas tempoh PKP. Bantuan kerajaan melalui pengumuman bantuan pakej moratorium disambut baik oleh syarikat kerana ia mampu mengurangkan kos operasi syarikat dalam tempoh PKP.



### Industri Pembuatan Produk Sarung Tangan


Syarikat yang terlibat dalam industri ini terpaksa beroperasi dengan kapasiti tenaga kerja 50% sahaja daripada kapasiti sebenar. Ini menyebabkan kekangan kepada syarikat untuk memenuhi keperluan sarung tangan yang semakin meningkat samada di peringkat nasional mahupun di peringkat antarabangsa. Syarikat juga bersedia untuk menambah sekitar 1,000 pekerja untuk menampung Pengeluaran yang tinggi. Kebiasaannya syarikat menggajikan pekerja dari Nepal, tetapi kini menggunakan pekerja tempatan disebabkan sekatan perjalanan.



### Pembuatan Bahan Elektronik

Di antara kesan langsung yang dialami oleh kilang elektronik yang menghasilkan *Silicon Chip*, *Diodes* dan *Photosensitive semiconductor devices* adalah seperti berikut:

- Bilangan pekerja bahagian pengeluaran terpaksa **dikurangkan daripada 2,140 orang kepada 1,100 orang sahaja.**
- Jumlah pengeluaran dijangkakan akan menurun disebabkan oleh pengurangan bilangan pekerja dalam sesuatu tempoh masa.
- Kesan kepada tempahan juga telah berlaku apabila pihak kilang tidak dapat menampung jumlah tempahan dengan baik.



### Subsektor Percetakan

Operasi beberapa syarikat percetakan yang ditutup berikutan pelaksanaan PKP telah memberi kesan kepada pekerja syarikat masing-masing yang mempunyai bilangan pekerja antara 12 orang hingga 20 orang pekerja. Walaupun tiada laporan pemberhentian pekerja dilaporkan, namun dari segi gaji dan pendapatan terdapat pengurangan disebabkan jumlah hari bekerja yang dikurangkan serta tiada kerja lebih masa yang dilaksanakan. Pendapatan syarikat juga telah merudum antara 38% hingga 68% pada bulan Mac 2020 berbanding Februari 2020. Manakala, bagi bulan April 2020, operasi syarikat ditutup sepenuhnya.



### Pembuatan Sos dan Perasa

Industri pembuatan sos dan perasa seperti sos bilis atau budu terkesan dengan pelaksanaan PKP. Tempoh masa beroperasi syarikat dikurangkan dan pekerja tidak dibenarkan bekerja dalam kumpulan yang ramai seperti keadaan biasa. Walau bagaimanapun, permintaan produk ini di pasaran mengalami peningkatan 50% kerana dijadikan salah satu barang keperluan asas untuk dibuat agihan kepada golongan yang terkesan dengan COVID-19. Namun begitu, terdapat kekangan dari segi proses pengeluaran produk disebabkan oleh kesukaran untuk mendapatkan bahan mentah sebagaimana keadaan biasa.





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A



### Harian Metro, 9 Mac 2020 (Isnin)

#### Covid-19: Kawasan pelancongan Kelantan terjejas

Syaherah Mustafa, am@hmetrp.com.my

PENULARAN wabak Covid-19 mula memberi kesan kepada peniaga terutama di kawasan tumpuan pelancong di Kota Bharu, berikutan pengunjung terutama dari luar negara semakin berkurangan.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/552758/covid-19-kawasan-pelancongan-kelantan-terjejas>

### Harian Metro, 21 Mac 2020 (Sabtu)

#### Kelantan Bantu Pesakit Covid-19



Nor Fazlina Abdul Rahim  
nfazlina@nstp.com.my  
KERAJAAN negeri Kelantan menyediakan insentif kepada mangsa yang dijangkiti Covid-19 di negeri itu. Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob berkata, bayaran sebanyak RM300 akan disalurkan untuk satu keluarga pesakit golongan B40 yang didapati positif virus berkenaan.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/557005/kelantan-bantu-pesakit-covid-19>

### Sinar Harian, 12 April 2020 (Ahad)

#### Covid-19: 7 SKN RAJD Bina Dua Stesen Dekontaminasi

Adila Sharinni Wahid



KOTA BHARU - Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menerusi Skuadron Ke-7 Rejimen Askar Jurutera Diraja (7 SKN RAJD) Kem Desa Pahlawan membina dua stesen dekontaminasi

bagi kegunaan 900 anggota di bawah 8 Briged sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

<https://www.sinarharian.com.my/article/78548/EDISI/Kelantan/Covid-19-7-SKN-RAJD-bina-dua-stesen-dekontaminasi>

### Sinar Harian, 13 April 2020 (Isnin)

#### Guna Scrambler Perketat Sempadan

Adila Sharinni Wahid  
TUMPAT - Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 memperketatkan kawalan di laluan tikus di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand melalui rondaan unit bermotosikal ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

<https://www.sinarharian.com.my/article/78714/EDISI/Kelantan/Guna-scrambler-perketat-sempadan>

### Berita Harian, 14 April 2020 (Selasa)

#### Kelantan Tak Tanggung Kos Bawa Pulang Pelajar Dari Luar Negara

Hazira Ahmad Zaidi, bhnews@bh.com.my  
KOTA BHARU: Kerajaan Kelantan tidak menanggung kos membawa pulang penuntut negeri ini dari luar negara berikutan penularan wabak COVID-19, sebaliknya memberi sumbangan kewangan bagi meringankan beban mereka.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/676980/kelantan-tak-tanggung-kos-bawa-pulang-pelajar-dari-luar-negara>

### Berita Harian, 21 Mac 2020 (Sabtu)

#### COVID-19: MB Kelantan Umum RM300 Kepada Keluarga Mangsa

Nor Fazlina Abdul Rahim, nfazlina@nstp.com.my

KOTA BHARU: Kerajaan Kelantan menyediakan insentif sebanyak RM300 bagi satu keluarga pesakit golongan B40 yang positif coronavirus (COVID-19).

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/667674/covid-19-mb-kelantan-umum-rm300-kepada-keluarga-mangsa>

### Sinar Harian, 10 April 2020 (Jumaat)

#### Tengku Temenggong Kelantan Cadang Tubuh 'Task Force'

Rosmiza Kasim



KOTA BHARU- Satu jawatankuasa khas perlu ditubuhkan bagi membantu secara menyeluruh kumpulan yang terjejas ekoran pembatalan penganjuran bazar Ramadan di Kelantan tahun ini bagi mengekang Coronavirus (Covid-19).

<https://www.sinarharian.com.my/article/78295/EDISI/Kelantan/Tengku-Temenggong-Kelantan-cadang-tubuh-task-force>

### Astro Awani, 13 April 2020 (Isnin)

#### Kelantan State Assembly Sitting Convenes For Only 45 Minutes

BERNAMA

KOTA BHARU: The Kelantan State Assembly Sitting convened today, but only for 45 minutes due to the Movement Control Order (MCO).



<http://english.astroawani.com/malaysia-news/kelantan-state-assembly-sitting-convenes-only-45-minutes-238090>

### New Straits Times, 30 April 2020 (Khamis)

#### MCO: Kelantan to Allow Launderettes, Workshops and Hardware Stores to Open

Nor Fazlina Abdul Rahim



KOTA BHARU: The Kelantan government will allow manned launderettes, workshops and hardware stores to resume operations soon.

Deputy Menteri Besar Datuk Mohd Amar Nik Abdullah said it was decided at the state-level National Security Council meeting today.

<https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/588773/mco-kelantan-allow-launderettes-workshops-and-hardware-stores-open>

**Penafian:** Artikel dalam buletin khas ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara ad-hoc di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Lanya tidak memenuhi sepenuhnya pawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan buletin ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.



@STATSMalaysia



#MyStatsDay



#MyCensus2020



#LeaveNoOneBehind

